

Sedekah ilmu untuk warga Kedah

Konvensyen Haayatul Islamiyyah 2014 bermula 9 Mei

■ ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR - Warga Kedah berpeluang memperoleh ilmu bermanfaat dalam pelbagai aspek kehidupan apabila Konvensyen Haayatul Islamiyyah 2014 bakal berkunjung ke negeri ini bermula 9 hingga 11 Mei ini.

Siri jelajah bersama warga Kedah merupakan yang kedua diadakan, selepas program pengenalan di Langkawi, Januari lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) As Sohwah Life, Mayzon Abdul Rahman berkata, berdasarkan maklum balas positif penduduk Langkawi terhadap program yang julung kali diadakan itu, pihaknya berhasrat menjadikan acara tersebut secara bersiri dengan menjelajah ke setiap negeri.

"Konvensyen yang akan diadakan di Kolej Universiti Insaniah (Kuin) kampus Mergong adalah inisiatif untuk mengetengahkan kejayaan dan inovasi yang diiktiraf di pasaran dalam pelbagai bentuk dan bidang," katanya.

Menurutnya, ia selaras dengan usaha mentransformasikan pemikiran masyarakat setempat melalui ilmu pengetahuan yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak.

"Ia merangkumi aspek ilmu, kejayaan, kaedah berkesan, tip kejayaan, termasuk kecemerlangan untuk menjayakan sesuatu impian," katanya.

Mayzon berkata, program ini berbentuk perkongsian ilmu daripada pakar yang diiktiraf bagi membuka minda dan membentuk masyarakat tentang ilmu dunia dan akhirat.

"Antara aspek yang dikupas termasuk pendidikan, perniagaan, ke-



usahawanan dalam menghayati kehidupan mengikut acuan Islam. Kita mahu jadikan program ilmiah dan keusahawanan ini didedahkan kepada proses muamalat berkonsepkan inspirasi khalifah, iaitu kejayaan perniagaan Rasulullah SAW, Abdul Rahman Auf dan Saidatina Khadijah Kwalid," katanya.

Mayzon berkata, program ini mempunyai matlamat serampang dua mata, di mana ia membuka peluang pekerjaan kepada lepasan graduan dan keusahawanan melalui program berkonsepkan sedekah ilmu kepada masyarakat.

Menurutnya, pihaknya amat bersyukur kerana Konvensyen Haayatul Islamiyyah dilihat semakin diterima semua lapisan masyarakat, dan berharap ia mampu muncul sebagai wa-

dah untuk menempa kejayaan yang lebih cemerlang.

Berikutan itu, konvensyen ini turut akan menemui masyarakat di Pulau Pinang (19-21 Jun) dan Kuala Terengganu (25-27 Jun) serta pengajuran kedua di Langkawi (15-17 Ogos).

Berpeluang dapatkan baucar umrah RM100

Konvensyen ini bukan sahaja menawarkan ilmu dan merancang aktiviti keusahawanan, namun pengunjung turut berpeluang mendapatkan baucar mengerjakan umrah bernilai RM100.

"Ia sebagai penghargaan kepada pengunjung yang hadir. Turut diadakan bengkel Rahsia Mengerjakan Umrah Di Usia Muda oleh Pengarah Urusan KRS Travel pada 3 petang, Jumaat," katanya.

Exco Agama, Hal Ehwal Masyarakat India dan Siam, Sumber Tenaga Manusia dan Pelancongan, Datuk Mohd Rawi Abd Hamid di-



Antara peserta yang hadir Konvensyen Haayatul Islamiyyah di Langkawi.



Sebahagian peserta bengkel yang sentiasa mendapat sambutan.



Adun Kuah, Nor Saidi Nanyan menyempurnakan perasmian penutup konvensyen di Langkawi, Januari lalu.

jangka merasmikan Konvensyen Haayatul Islamiyyah, pada 9.30 pagi, diikuti Bengkel Pembelajaran Kreatif dengan penggunaan alat sifira.

Program Mudahnya Menjemput Rezeki bersama Areena Abdul Rahman antara yang mendapat sambutan hangat, selain Rahsia Berniaga Yang Diredhai dikendalikan Imam Muda Ustaz Khairul Azhar Ghazali.

Pada sebelah malam pula, diadakan rakaman program Santai Bersama Ustaz Haryanto Rizal Rokman yang mengupas topik kepimpinan.

Pada Sabtu, konvensyen dimeriahkan dengan peraduan warna bersama Bank Rakyat seawal 9 pagi dan hadiah misteri menanti pemenang.

Antara bengkel termasuk, Program Hi-Tech Maths yang memfokus teknologi dan inovasi MyScan serta Santai Bersama Inspirasi Khalifah, Imam Muda Ustaz Khairul Azhar Ghazali.

Perasmian penutup konvensyen dijangka disempurnakan Adun Pedu, Kama Noriah Ibrahim pada 9.30 pagi, diikuti program Sehari Bersama Zakat Kedah.

Mayzon berkata, penyertaan adalah percuma kepada pelajar, kaki tangan kerajaan dan swasta, selain jemputan khas dari JKR Seberang Perai, Penang Port, TUDM, Hospital Jitra, UUM, PPD Kota Setar serta seluruh sekolah daerah Kota Setar.

"Kita jemput pelajar dan graduan untuk membina kerjaya selain mendapatkan peluang perniagaan di kon-

vensyen ini," katanya.

Konvensyen ini turut mendapat bimbingan daripada Penasihat As Sohwah Life, Datuk Abu Bakar Taib dan Datin Paduka Siti Zaliha Mat Gelam.

Untuk sebarang maklumat dan pendaftaran gerai jualan, hubungi Pengurus Besar, Rosalma Azami, di talian 017-6169435.

KONVENSIEN HAYAATUL ISLAMIAH 2014

10 MEI 2014

Pertandingan Seronoknya Mewarna Nuri

Bank Rakyat Cawangan Mergong

9-11 MEI

KUIN

As Sohwah Life